

6 MAC 2018

Polis tumpaskan sindiket dadah RM6.2 juta



MOHMAD SALLEH (lima dari kiri) bersama para pegawainya menunjukkan bungkusan teh yang dirampas berisi dadah disyaki jenis syabu dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Daerah Kajang, Selangor, semalam. - UTUSAN/ZAINI HUSIN

Polis tumpaskan sindiket dadah RM6.2 juta

KUALA LUMPUR 5 Mac - Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman bersama Pasukan Khas Taktikal Perisik Narkotik (STING) merampas pelbagai jenis dadah bernilai kira-kira RM6.2 juta dalam operasi di Johor, Kuala Lumpur dan Selangor, baru-baru ini.

Operasi yang diadakan pada malam minggu bermula pada pukul 7.30 malam itu melibatkan tujuh serbuan di ketiga-tiga negeri terbabit dengan merampas pelbagai jenis dadah termasuk syabu dan pil ekstasi yang dida-

langi oleh warga tempatan.

Seramai lima suspek termasuk seorang wanita berusia antara 28 hingga 48 tahun ditahan di Segamat dan Ledang, Johor manakala seorang lagi ahli sindiket di tahanan di Kuala Lumpur.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, operasi terbabit berjaya merampas 43.7 kilogram dadah disyaki syabu, 53.93 kilogram disyaki pil ekstasi, 31.40 kilogram disyaki heroin, 3.75 kilogram disyaki ketamin dan 2,000 biji pil disyaki eramin 5.

Katanya, kesemua suspek yang ditahan direman selama tujuh hari di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah bagi siasatan lanjut di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Kami percaya mereka sudah beroperasi agak lama dan dipercayai hanya mengedar serta menyeludup dadah kerana tidak mempunyai makmal dalam serbuan tersebut.

"Dadah yang dirampas itu ditemukan rumah dan dalam kereta," katanya dalam satu sidang akhbar

di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang, dekat sini hari ini.

Beliau memberitahu, polis turut menyita wang tunai sebanyak RM66,068 dan enam buah kereta berjenama Volkswagen Passat, Honda Accord, Toyota Wish, Grand Lavina, Proton Persona dan Perodua Myvi.

Katanya, turut dirampas sebuah motosikal Yamaha Legenda serta seutas rantai emas dan loket yang menjadikan jumlah keseluruhan harta sitaan sebanyak RM634,000.